



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 22 Mei 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

Business partners, lorry driver fined RM200,000 each over illegal diesel possession

KUALA LUMPUR: Two business partners and a lorry driver were each fined RM200,000 by the Kuala Selangor Sessions Court Wednesday after pleading guilty to possessing 25,969 and 15,906 litres of diesel, respectively, without a valid licence.

Judge Nurul Mardhiah Mohammed Redza also ordered Chia Yong Zhu, 31, his female business partner Eng Ai Peng, 45, and lorry driver K. Sukuru, 54, as persons summoned, to serve 16 months in prison if they failed to pay the fine.

All three paid the fines.

The court also granted an application by Deputy Public Prosecutor from the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), Mohd Sophian Zakaria, for the proceeds from the sale of the seized diesel worth RM113,900 and the lorry used by Sukuru to be forfeited to the Government of Malaysia.

Chia and Eng, directors of Soon Wang Trading, were charged with possessing 25,969 litres of diesel found in five skid tanks under suspicious circumstances at a premises in Pekan Sungai Besar at 5 pm on March 5, 2024.

Sukuru faced a separate charge of possessing 15,906 litres of diesel found in a lorry at the same premises, date and time.

They were charged with violating Regulation 3(1) of the

Control of Supplies Regulations 1974 for dealing in diesel, a scheduled controlled item, either by retail or wholesale, without a licence.

The charge was framed under Section 21 of the Control of Supplies Act 1961 and is punishable under Section 22(1) of the same Act, which carries a maximum fine of RM1 million or imprisonment not exceeding three years, or both. For subsequent offences, the penalty increases to a maximum fine of RM3 million or imprisonment of up to five years, or both.

According to the facts of the case, on March 5, 2024, a team of KPDN enforcement officers, in collaboration with officers from the Special Branch of the Royal Malaysia Police from the Selangor contingent headquarters, conducted a raid and inspection at the Sungai Besar 2 Diesel Sales Centre in Pekan Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor.

The inspection led to the discovery of 25,969 litres of diesel in five skid tanks on the premises and 15,906 litres of diesel in a tank lorry. The authorities then proceeded with the seizure of the diesel.

Wednesday's prosecution was also handled by Deputy Public Prosecutor Muhammad Hakiim Izani. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Paparan caj berasingan punca kos rawatan pesakit klinik swasta naik

Oleh FITRI NIZAM
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Peningkatan bil rawatan pesakit susulan pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Antipencututan 2011 (Akta 723) disebabkan caj berasingan yang terpaksa dilakukan klinik swasta berbanding sistem caj pukal sebelum ini.

Presiden Persekutuan Persatuan Doktor Perubatan Swasta Malaysia (FPPMPAM), Dr. Shanmuganathan T. V. Ganeson berkata, sebelum ini klinik swasta sememangnya sudah lama mengamalkan bil terperinci kepada pesakit.

Katanya, bil terperinci secara pukal tidak mengakibatkan kenaikan kos secara automatik.

"(Bagaimanapun) apa yang dibangkitkan oleh FPPMPAM adalah kesan daripada keperluan baharu untuk memaparkan harga ubat secara berasingan seperti yang ditetapkan dalam Perintah Penandaan Harga Ubat di bawah Akta 723.

"Apabila harga ubat dipisahkan secara wajib, klinik tidak lagi dapat menyerap kos perkhidmatan lain ke dalam harga ubat seperti dilakukan sebelum ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau berkata, disebabkan pelaksanaan akta itu, klinik perlu menyenaraikan secara berasingan caj seperti konsultasi, kejururawatan, penggunaan alat, bahan guna habis dan sokongan pentadbiran.

Katanya, semua kos tersebut sebelum ini telah diserap ke dalam satu caj pukal yang lebih murah.

"Kenaikan bil yang dijangka antara RM10 hingga RM30 itu bukan disebabkan oleh itemisasi semata-mata, tetapi kerana sistem *unbundling* (berasingan) yang terpaksa dilaksanakan apabila harga ubat tidak lagi boleh digunakan untuk menye-

rap kos operasi.

"Ini adalah kesan langsung daripada polisi paparan harga ubat yang terlalu kaku," kata-

nya. Kelmarin, akhbar ini melapor, FPPMPAM menjangka-kan bil pesakit di klinik swasta akan meningkat antara 10 hingga 30 peratus mulai Ogos depan susulan pelaksanaan Akta 723 yang menetapkan pa-

paran harga ubat yang disediakan di klinik dan hospital swasta serta farmasi.

Dr. Shanmuganathan berkata, walaupun pelaksanaan Akta 723 dibantah oleh klinik swasta, namun kebanyakkan fasiliti-

kesihatan itu telahpun memaparkan harga ubat di premis masing-masing setelah arahan tersebut digazetkan pada 1 Mei lalu.

Katanya, buat masa ini har-

ga ubat di klinik swasta masih kekal pada kadar lama kerana semua pihak masih menunggu keputusan Kementerian Kesihatan (KKM) dalam isu tersebut.

"Jika tiada perubatan kepu-

sutan daripada KKM dan arahan ini diteruskan selepas tempoh penangguhan (grace period),

FPPMPAM jangka peningkatan

kos akan mula dirasai pesakit

seawall Ogos depan," katanya.

Sehingga perang tarif AS, China selesai sepenuhnya

Oleh NURUL HUDA HUSAIN
SHAH ALAM

Cadangan kerajaan untuk melaksanakan rasionalisasi subsidi bahan api RON95 pertengahan tahun ini kemungkinan ditangguhkan sehingga kontroversi rundingan perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China selesai sepenuhnya nanti.

Pakar Ekonomi dari Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (MUST), Profesor Emeritus Dr Barjyai Bardai berkata, adalah mustahil untuk pelaksanaan subsidi bersasar itu dibuat dalam tempoh terdekat ini.

"Saya melihat ada kemungkinan kerajaan tangguhkan dulu pelaksanaan rasionalisasi subsidi bahan api RON95 sekiranya keadaan ekonomi dunia menjadi serius secara tiba-tiba selepas 90 hari nanti."

"Jika AS terus melaksanakan apa yang dirancang sebelum (kadar tarif baru) dan kemungkinan seluruh dunia akan menghadapi kegawatan, harga barang meningkat, pasaran saham kita merudum, ringgit akan



BARJOYAI

menyusut dan jika itu berlaku kerajaan terpaksa tangguhkan.

"Bagaimanapun, saya percaya perancangan ini akan tetap dibuat dengan melihat perkembangan positif selepas penyasaran subsidi diesel dilaksanakan sebelum ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada Isnin, media melaporkan, keputusan mengenai cadangan rasionalisasi subsidi bahan api RON95 telah diserahkan sepenuhnya kepada Kementerian Kewangan (MoF) seperti yang diputuskan Kabinet.

Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli berkata, pihaknya telah mengadakan perbincangan dengan Kabinet selama empat kali berhubung perkara itu dan ketika ini sedang menunggu maklumat terkini seterusnya daripada kementerian yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ditanya sama ada perancangan penggunaan aplikasi sistem Pangkalan Data Utama (PADU) akan diteruskan untuk pelan rasionalisasi berkenaan atau sebaliknya susulan peralihan kementerian yang menguruskan perkara tersebut, Barjyai



Pakar ekonomi berpendapat, cadangan kerajaan untuk melaksanakan rasionalisasi subsidi bahan api RON95 pertengahan tahun ini kemungkinan ditangguhkan sehingga kontroversi rundingan perdagangan antara AS dan China selesai sepenuhnya nanti. - Gambar hiasan

berkata, ia kemungkinan tidak menggunakan data daripada sistem baharu itu.

Menurutnya, pandangan tersebut mengambil kira jumlah rakyat yang berdaftar dengan sistem berkenaan masih lagi rendah dan menyukarkan data diperoleh.

"Saya rasa sistem PADU tidak boleh digunakan lagi sebab hanya kira-kira lapan juta sahaja yang isi data berkenaan. Ada lagi kira-kira 20 juta yang

belum berbuat demikian. Jika pelaksanaan penyasaran subsidi ini dibuat kerajaan mungkin akan rujuk data daripada pihak ketiga seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)," katanya.

Dalam pada itu, ditanya tempoh yang dilahat sesuai untuk kerajaan melaksanakan penyasaran subsidi itu, Barjyai menegaskan, tahun ini boleh dilaksanakan dengan meng-

ambil kira perkembangan positif selepas inisiatif melibatkan diesel dibuat sebelum ini.

"Tidak dinafikan apabila penyasaran subsidi diesel dilaksanakan banyak pihak yang skeptikal tapi sekarang ini ramai yang memuji langkah kerajaan. Sebenarnya ekonomi ini adalah kajian tentang persepsi, kalau kita boleh kawal persepsi, insya-ALLAH ia akan memberi kesan positif juga," ujar beliau.

Subsidi bersasar RON95 dijangka tangguh - Pakar

Udang merah kini 'raja buah'

- **Musang king, duri hitam dijual harga 'kayangan'**
- **Pelancong China, Australia mula buat tempahan**

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Durian udang merah kini menjadi rebutan dalam kalangan pemimat raja buah 'menewaskan' durian super premium iaitu musang king, duri hitam dan tupai king kerana harganya yang lebih berbaloi dan mampu milik.

Malah, penjualan durian premium dengan harga RM48 sekilogram itu juga meningkat sebanyak 30 peratus berbanding raja buah jenis lain.

Tupai king dijual kira-kira RM90 sekilogram, musang king RM80 sekilogram dan duri hitam dipasarkan RM78 sekilo.

Seorang pengusaha di Balik Pulau dikenali sebagai Tan, 33,



UDANG MERAH yang dijual RM48 sekilogram mendapat permintaan tinggi daripada penggemar durian tempatan.

berkata, selain harga tupai king yang melonjak naik kepada RM90 sekilogram, keenakan udang merah yang dirasakan sama dengan durian premium itu menjadi antara punca ramai bertukar selera.

"Duri hitam atau black thorn yang sebelum ini diminati ramai kaki durian kerana isinya tebal, bentuk buahnya yang bulat, cantik dan pekat kali ini juga sudah ditewaskan dengan udang merah," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Menurutnya, durian duri hitam kurang digemari bukan kerana buah super premium itu tidak sedap tetapi pengeluarannya pada musim kali ini berkurangan iaitu hanya 30 peratus.

"Kekurangan pengeluaran buah duri hitam berlaku akibat hujan sekali gus menyebabkan bunganya lambat menjadi buah," ujarnya.

Tan memberitahu, majoriti pelancong luar negara masih menjadikan musang king sebagai pilihan utama berbanding

penggemar tempatan yang dilihat telah beralih tumpuan kepada udang merah.

"Ketika ini, ramai peminat dari luar negara terutama di China dan Australia mula membuat tempahan termasuk ada mengatakan mereka akan ke sini untuk merasai sendiri durian."

"Kali ini, semua pelanggan yang menghubungi kami pakat mencari udang merah. Sedangkan buah itu sebelum ini hanya diminati dalam kalangan pemimatnya sahaja," ujarnya.

Seorang pelancong dari Thailand yang juga penggemar durian, Phak, 30-an, berkata, dia sanggup datang ke Balik Pulau semata-mata mahu merasai kenikmatan udang merah.

"Rasanya lain dari yang lain dan ini kali kedua saya merasainya. Rasa udang merah boleh membawa kegembiraan. Setelah tujuh bulan pulang ke Thailand, saya masih ingat lagi rasanya."

"Kali ini, saya seorang makan tujuh biji durian udang merah, janji saya puas," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 22 MEI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
22-May	Op Gasak: KPDN Negeri Sembilan sita 255 tong LPG bernilai lebih RM60,000	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/op-gasak-kpdn-negeri-sembilan-sita-255-tong-lpg-bernilai-lebih-rm60000-521770	ASTRO AWANI
22-May	Negeri Sembilan KPDN seizes 255 tanks of LPG gas valued at RM60,000	https://thesun.my/malaysia-news/negeri-sembilan-kpdn-seizes-255-tanks-of-lpg-gas-valued-at-rm60000-KF14112190	THE SUN
22-May	KPDN rangka cadangan sertakan peruntukan khusus 'lemon law' dalam Akta Perlindungan Pelanggan 1999	https://paultan.org/2025/05/21/lemon-law-di-malaysia-kpdn-rangka-kertas-cadangan/	PAULTAN
22-May	Lemon law in Malaysia – KPDN drafts paper proposing provisions for this in Consumer Protection Act 1999	https://paultan.org/2025/05/21/lemon-law-in-malaysia-kpdn-drafts-paper-proposing-provisions-for-this-in-consumer-protection-act-1999/	PAULTAN